JUZU' KE-30

SURAH AN-NASR

SURAH KE

110

SURAH AN-NASR

Surah Kemenangan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

3

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِذَا جَآءَ نَصۡرُ ٱللَّهِ وَٱلۡفَتۡحُ ﴿١﴾ وَرَأَيۡتَ ٱلنَّاسَ يَدۡخُلُونَ فِي دِينِ ٱللَّهِ أَفۡوَاجٗا ﴿٢﴾ فَسَبِّحۡ بِحَمۡدِ رَبِّكَ وَٱسۡتَغۡفِرۡهُۚ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابَۢا ﴿٣﴾

"Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan (menakluk Makkah)(1). Dan engkau lihat manusia masuk ke dalam agama Allah sepuak demi sepuak(2). Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan pohonlah keampunan-Nya. Sesungguhnya Dia amat menerima taubat (hamba-Nya)"(3).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah yang pendek ini membawa berita gembira kepada Rasulullah s.a.w. iaitu berita ketibaan pertolongan dari Allah dan kemenangan menakluk negeri Makkah dan sambutan manusia yang berduyun-duyun memeluk agama Allah, di samping memberi arahan kepada Rasulullah s.a.w. supaya bertawajjuh kepada Allah dengan tasbih, tahmid dan istighfar ketika berita-berita yang menggembirakan itu menjadi kenyataan. Di samping itu surah ini juga sekaligus mendedahkan tabi'at dan hakikat agama Islam, dan sejauh mana cita-cita perjuangannya mahu membawa manusia kepada ketinggian, kemuliaan, keikhlasan dan pemusatan diri kepada Allah, kebebasan dan kemerdekaan iaitu kemuncak matlamat yang tidak dapat dicapai manusia melainkan di bawah naungan Islam.

* * * * * *

Ada berbagai-bagai hadith mengenai turunnya surah ini. Di antaranya yang kami pilih ialah hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad iaitu:

Kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Abu 'Adi, dari Daud, asy-Sya'bi dari Masruq katanya: Aisyah telah bercerita bahawa Rasulullah s.a.w. di akhir-akhir kegiatannya banyak berzikir dengan :

سبحان الله وبحمده ، أستغفرالله واتوب إليه .

Dan beliau telah bersabda: Tuhanku telah memberitahu kepadaku bahawa aku akan melihat satu alamat pada umatku, dan Ia memerintah kepadaku apabila aku melihat alamat itu supaya aku bertasbih, bertahmid dan beristighfar kepada-Nya. Sesungguhnya Allah itu Maha Penerima Taubat, dan aku telah pun melihat alamat itu iaitu (Surah an-Nasr):

إِذَا جَآءَ نَصۡرُ ٱللَّهِ وَٱلۡفَتۡحُ ﴿١﴾ وَرَأَيۡتَ ٱلنَّاسَ يَدۡخُلُونَ فِي دِينِ ٱللَّهِ أَفۡوَاجٗا ﴿٢﴾ فَسَبِّحۡ بِحَمۡدِ رَبِّكَ وَٱسۡتَغۡفِرۡهُۚ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابَۢا ﴿٣﴾

(Hadith ini juga telah diriwayatkan oleh Muslim melalui Daud ibn Abu Hind dengan nas ini).

Qabilah-qabilah Arab Menunggu-nunggu Kemenangan Rasulullah s.a.w

Ujar ibn Kathir dalam tafsirnya: Yang dimaksudkan dengan kemenangan di dalam surah ini ialah kemenangan menakluk Makkah dan inilah pendapat yang sebulat. Qabilah-qabilah Arab memang menunggu-nunggu kemenangan Rasulullah s.a.w. menakluk Makkah untuk memeluk agama Islam. Mereka berkata: "Jika ia (Muhammad) dapat menundukkan kaumnya, maka itulah tandanya ia seorang Nabi." Oleh itu, apabila Allah memberi kemenangan kepadanya menakluk Makkah, mereka pun memeluk agama Allah sepuak demi sepuak. Dalam masa tidak sampai dua tahun selepas itu, seluruh Semenanjung Arab beriman kepada agama Allah. Tiada qabilah Arab melainkan semuanya mengisytiharkan keislaman mereka. Menurut riwayat al-Imam al-Bukhari dalam Sahihnya dari 'Amr ibn Salamah katanya: Sebaik sahaja tertakluknya negeri Makkah, setiap kaum segera menemui Rasulullah s.a.w. untuk menyatakan keislaman mereka. Qabilah-qabilah Arab sebelum itu memang menunggu-nunggu tertakluknya negeri Makkah untuk menyatakan keislaman mereka. Kata mereka: "Biarkanlah dia (Muhammad) dengan kaumnya, jika dia dapat menundukkan mereka, maka itulah tanda ia seorang Nabi."

Riwayat ini adalah sesuai dengan keterangan surah ini yang memberi isyarat bahawa satu peristiwa akan berlaku selepas turunnya ayat ini, dan mengarahkan Nabi s.a.w. supaya bertasbih, bertahmid dan beristighfar apabila berlakunya berita yang menggembirakan itu dan timbul alamatnya.

Surah Ini Membayangkan Ajal Rasulullah s.a.w.

Di sana ada lagi satu hadith dari Ibn 'Abbas dan hadith ini tidaklah sukar untuk diselaraskan dengan hadith yang telah kami pilihkan itu. Ujar al-Imam al-Bukhari: Kami telah diceritakan oleh Musa ibn Ismail katanya: Kami telah diceritakan oleh Abu 'Awanah dari Abu Bisyr, dari Said ibn Jubayr, dari ibn 'Abbas katanya: 'Umar telah memasukkan aku ke dalam kumpulan tokoh-tokoh tua Perang Badar. Setengah mereka seolah-olah merasa tidak setuju dalam hati mereka, lalu berkata: "Mengapa dimasukkan budak ini bersama kami dan kami juga ada anak-anak yang sebaya dengannya?" Jawab 'Umar: "Dia dari budak-budak yang kamu telah kenal." Pada suatu hari 'Umar menjemput mereka, lalu ia masukkan aku bersama mereka. Menurut hematku ia menjemput aku bersama mereka untuk memperlihatkan kebolehanku kepada mereka, lalu ia berkata: "Apa pendapat kamu tentang maksud firman Allah 'Azzawajalla:

إذا جآء نصر الله والفتح

"Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan (menakluk Makkah)."(1).

Jawab setengah mereka: "Allah menyuruh kita bertahmid dan berisfighfar kepada-Nya apabila ia menolong dan memberi kemenangan kepada kita." Setengah yang lain diam tidak berkata apa-apa. Lalu 'Umar berkata kepadaku: "Adakah pendapat engkau begitu juga, wahai ibn 'Abbas?" Jawabku: "Tidak." Lalu ia terus bertanya: "Apa pendapat engkau?" Jawabku: "Itulah ajal Rasulullah s.a.w. yang diberitahu Allah kepadanya. Firman Allah: 'Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan', maka itulah alamat ajal engkau. Oleh itu, hendaklah engkau bertasbih dengan memuji Tuhanmu dan beristighfar memohon keampunan-Nya, sesungguhnya Dia Maha Penerima Taubat." Kata 'Umar ibn al-Khattab: "Aku tidak mengetahui maksud ayat ini melainkan apa yang dikatakan engkau." (Riwayat al-Bukhari sahaja).

Mungkinlah kepada Rasulullah s.a.w. apabila beliau melihat alamat dari Tuhannya, ia terus faham bahawa tugasnya di bumi telah pun selesai dan dia tidak lama lagi akan menemui Tuhannya. Inilah maksud Ibn 'Abbas, "Itulah ajal Rasulullah s.a.w. yang diberitahu Allah kepadanya."

Walau bagaimanapun, di sana terdapat suatu hadith lagi yang diriwayatkan oleh al-Hafiz al- Bayhaqi dengan sanadnya dari Ibn 'Abbas juga katanya: "Sebaik sahaja turun إذا جاء نصرالله والفتح Rasulullah s.a.w. terus memanggil Fatimah dan berkata: 'Sesungguhnya ayahanda telah diberitahu tentang kematian ayahanda.' Lalu Fatimah menangis, kemudian dia ketawa sambil berkata: Ia menceritakan kepadaku bahawa ia telah diberitahu tentang kematiannya, kerana itulah aku menangis. Kemudian ia berkata pula: Sabarlah anakanda, kerana engkau anggota keluarga ayahanda yang pertama yang akan mengikuti ayahanda, kerana itulah aku ketawa."'

Di dalam hadith ini terdapat keterangan yang menentukan masa turunnya surah ini, iaitu ia diturunkan selepas tercapalnya kemenangan menakluk Makkah dan sambutan orang ramai memeluk agama Islam secara besar-besaran telah terlaksana, kerana itu apabila surah ini diturunkan sesuai dengan alamatnya, maka Rasulullah s.a.w. pun faham bahawa ajalnya telah hampir. Tetapi hadith yang pertama lebih kukuh dan lebih selaras dengan nas zahir Al-Qur'an terutama hadith yang menceritakan tentang Siti Fatimah yang menangis dan ketawa itu telah diceritakan dalam satu hadith yang lain dengan satu gambaran yang lain yang sesuai dengan pendapat yang kami tarjihkan ini. Hadith itu ialah dari Ummu Salamah r.a. katanya: "Rasulullah s.a.w. telah memanggil Fatimah pada tahun kemenangan menakluk Makkah dan bercakap-cakap dengannya, lalu Fatimah menangis. Kemudian ia bercakap-cakap dengannya lagi, lalu Fatimah ketawa." Kata Ummu Salamah: "Apabila Rasulullah s.a.w. wafat aku bertanya Fatimah tentang rahsia tangisan dan ketawanya tempoh hari, lalu ia bercerita: 'Rasulullah s.a.w. telah memberitahu kepadaku ia tidak lama lagi akan wafat, itulah sebabnya aku menangis. Kemudian ia memberitahu kepadaku pula bahawa aku akan menjadi penghulu kepada wanita-wanita ahli Syurga, kecuali Maryam binti 'Imran, kerana itulah aku ketawa'." (Dikeluarkan oleh at-Tirmizi).

Hadith ini selaras dengan nas zahir Al-Qur'an dan hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dan dikeluarkan oleh Muslim dalam kitab Sahihnya yang menerangkan di sana ada satu alamat di antara Rasulullah s.a.w. dengan Tuhannya iaitu: "Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan menakluk Makkah........" Oleh itu, apabila kemenangan menakluk Makkah berlaku, maka Rasulullah s.a.w. faham bahawa masa pertemuannya dengan Tuhannya telah hampir, dan kerana itulah ia memanggil Siti Fatimah sebagaimana yang telah diceritakan oleh Ummu Salamah r.a.

* * * * * *

Pengertian Dan Bimbingan Surah Ini

Dari seluruh huraian ini marilah kita tumpukan kepada pengertian yang tetap dan bimbingan yang berterusan yang dibawa oleh surah ini. Ke mercu manakah yang diisyaratkan oleh surah yang pendek ini:

إِذَا جَآءَ نَصۡرُ ٱللَّهِ وَٱلۡفَتۡحُ ﴿١﴾

وَرَأَيۡتَ ٱلنَّاسَ يَدۡخُلُونَ فِي دِينِ ٱللَّهِ أَفۡوَاجٗا ﴿٢﴾

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَٱسْتَغْفِرْهُ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابًۢا ﴿٣﴾

"Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan (menakluk Makkah)(1). Dan engkau lihat manusia masuk ke dalam agama Allah sepuak demi sepuak(2). Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan pohonlah keampunan-Nya. Sesungguhnya Dia amat menerima taubat (hamba-Nya)"(3).

Bahagian awal surah ini menyarankan satu kefahaman khusus tentang hakikat peristiwa yang berlaku di alam ini dan tentang peranan Rasulullah s.a.w. dan peranan para Mu'minin dalam urusan da'wah Islam dan batas keupayaan mereka dalam urusan ini. Saranan ini diterangkan dalam ayat:

إِذَا جَآءَ نَصْرُ ٱللَّهِ وَٱلْفَتْحُ ﴿١﴾

"Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan (menakluk Makkah)."(1)

Iaitu pertolongan dan kemenangan itu adalah datang dari Allah pada masa yang ditentukannya dan dalam bentuk yang dikehendaki-Nya, sedangkan Nabi dan para Sahabatnya tidak mempunyai apa-apa peranan dalam kemenangan itu. Ia merupakan urusan Allah semata-mata yang dilaksanakannya dengan mereka atau tanpa mereka. Cukuplah Allah melaksanakan kemenangan urusan agama-Nya melalui mereka dan melantikkan mereka selaku pengawal dan pemegang amanah agama-Nya. Inilah keseluruhan peranan mereka dalam mencapai kemenangan dan dalam sambutan orang ramai menerima agama Allah. Kerana itu dalam menghadapi penghormatan Allah yang merealisasikan kemenangan itu, mereka berkewajipan bertasbih, bertahmid dan beristighfar di sa'at-sa'at kemenangan itu.

Makna Istighfar Di Sa'at Kemenangan Dan Kehilangan Kesabaran

Bertasbih dan bertahmid atas ni'mat Allah yang telah menjadikan mereka sebagai pemegang amanah dan pembela agama-Nya, juga atas rahmat Allah ke atas seluruh umat manusia dengan mengurniakan kemenangan kepada agamanya, kemenangan kepada Rasul-Nya menakluk Makkah dan sambutan besar-besaran dari orang ramai memeluk agama-Nya yang penuh kebajikan itu setelah sekian lama mereka berada di dalam keadaan buta, sesat dan rugi.

Beristighfar terhadap berbagai-bagai perasaan dan pengalaman jiwa iaitu berisfighfar terhadap perasaan bangga dan sombong yang berkecamuk dalam hati di sa'at-sa'at mabuk kemenangan setelah sekian lama berjuang. Perasaan yang sedemikian memang sukar dikawal pada hati manusia kerana itulah mereka perlu beristighfar.

Beristighfar terhadap perasaan-perasaan tidak sabar, perasaan terkilan, kerana lambatnya Allah menunaikan janji memberi bantuan dan pertolongan, perasaan gentar dan goncang, iaitu perasaan-perasaan yang mungkin dialami dalam sa'at-sa'at menghadapi perjuangan yang lama, kepenatan dan kesukaran sebagaimana yang telah digambarkan oleh Allah dalam surah yang lain:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُم مَّثَلُ ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلِكُم ۖ مَّسَّتْهُمُ ٱلْبَأْسَآءُ وَٱلضَّرَّآءُ وَزُلْزِلُوا۟ حَتَّىٰ يَقُولَ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ مَتَىٰ نَصْرُ ٱللَّهِ ۗ أَلَآ إِنَّ نَصْرَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ ﴿٢١٤﴾

"Adakah kamu mengira bahawa kamu akan memasuki Syurga, sedangkan kamu belum menerima dugaan seperti orang-orang Mu'min yang terdahulu dari kamu? Mereka telah ditimpa kesusahan dan kesengsaraan dan mereka telah digoncangkan (dengan berbagai-bagai ujian) sehingga Rasul dan orang-orang Mu'min yang ada bersamanya pernah bersungut: Bilakah tibanya pertolongan dari Allah? Lalu dijawab: Sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat."

(Surah al-Baqarah: 214)

Sikap yang seperti ini memerlukan istighfar. Beristighfar kerana tidak cukup bersyukur kepada Allah yang sentiasa melimpahkah ni'mat dan rahmat-Nya yang tidak putus-putus. Daya upaya manusia sentiasa terbatas, sedangkan ni'mat dan anugerah Allah sentiasa melimpah-ruah, Firman Allah:

وَإِن تَعُدُّوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ ۗ

"Andainya kamu membilang ni'mat Allah, nescaya kamu tidak berdaya mengirakannya."

(Surah an-Nahl: 18)

Ketaksiran yang seperti ini memerlukan istighfar.

Kewajipan Bertasbih Dan Beristighfar Di Sa'at Kemenangan

Di sana ada lagi satu tujuan yang halus dari beristighfar di sa'at mencapai kemenangan, iaitu untuk menggerak dan menyedarkan hati yang sedang dilambung rasa megah dan bangga dengan kemenangan itu agar menginsafi ketaksiran dan kelemahan dirinya. Oleh itu, ia lebih baik merendahkan rasa kebanggaannya dan memohon istighfar kepada Allah, kerana istighfar boleh menghalangkan perasaan angkuh dan sombong.

Di samping itu, perasaan lemah dan merasa tidak cukup bersyukur kepada Allah, juga amalan bertawajjuh kepada Allah kerana memohon kemaafan dan keampunan boleh menjamin tidak berlakunya perbuatan-perbuatan yang zalim terhadap musuh-musuh yang kalah. Orang yang menang hendaklah menyedari bahawa Allah mengamatinya, bahawa Allahlah yang memberi kekuatan kepadanya mengalahkan musuh-musuhnya, sedangkan ia lemah

dan tidak berupaya. Allah telah mengalahkan musuh-musuhnya, kerana suatu tujuan yang dikehendaki-Nya. Oleh itu, kemenangan yang dicapai itu adalah kemenangan dari kurnia-Nya. Penaklukan itu adalah penaklukan-Nya dan agama adalah agama-Nya dan segala sesuatu terpulang kepada-Nya.

* * * * * *

Itulah kemuncak yang gemilang dan mulia yang diseru oleh Al-Qur'an supaya manusia bercita-cita mendaki-nya mengikut irama seruannya yang luhur. Itulah kemuncak yang membuat manusia dewasa kerana mereka dapat menundukkan keangkuhan mereka dan membuat jiwa mereka terbang bebas kerana mereka tunduk kepada Allah.

Contoh-contoh Kesyukuran Nabi Yusuf Dan Nabi Sulaiman a.s.

Itulah kebebasan dari belenggu-belenggu diri sendiri supaya manusia menjadi roh-roh dari roh Allah yang tidak mencari sesuatu yang lain melainkan keredhaan Allah. Dan di samping kebebasan itu ialah perjuangan untuk menolong kebaikan dan menegakkan kebenaran, juga usaha mengimarahkan bumi dan memajukan kehidupan, memimpin umat manusia dengan kepimpinan yang matang, bersih, membina, adil, dan menuju kepada Allah.

Adalah sia-sia bagi seseorang berusaha untuk mencapai kebebasan, sedangkan ia terbelenggu kepada dirinya dan kepada nafsu keinginannya, usahanya sia-sia selama ia tidak dapat membebaskan dirinya di sa'at-sa'at kemenangan dari perasaan-perasaan merasa berjasa dalam kemenangan itu, agar ia hanya mengenangkan jasa Allah sahaja.

Inilah adab sopan yang sentiasa diamalkan oleh para Nabi, dan inilah adab yang dikehendaki Allah supaya manusia sentiasa berusaha meningkat ke kemuncaknya atau sentiasa bercita-cita menuju kemuncaknya. Inilah adab sopan Nabi Allah Yusuf a.s. di sa'at tercapainya segala cita-citanya. Firman Allah:

وَرَفَعَ أَبَوَيۡهِ عَلَى ٱلۡعَرۡشِ وَخَرُّواْ لَهُۥ سُجَّدٗاۖ وَقَالَ يَٰٓأَبَتِ هَٰذَا تَأۡوِيلُ رُءۡيَٰيَ مِن قَبۡلُ قَدۡ جَعَلَهَا رَبِّي حَقّٗاۖ وَقَدۡ أَحۡسَنَ بِيٓ إِذۡ أَخۡرَجَنِي مِنَ ٱلسِّجۡنِ وَجَآءَ بِكُم مِّنَ ٱلۡبَدۡوِ مِنۢ بَعۡدِ أَن نَّزَغَ ٱلشَّيۡطَٰنُ بَيۡنِي وَبَيۡنَ إِخۡوَتِيٓۚ إِنَّ رَبِّي لَطِيفٞ لِّمَا يَشَآءُۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡعَلِيمُ ٱلۡحَكِيمُ ١٠٠

"Lalu ia (Yusuf) mengangkatkan dua ibu bapanya di atas singgahsana dan mereka (saudara-saudaranya) merebahkan diri sujud hormat kepadanya dan berkata: Wahai ayahandaku, inilah ta'bir mimpi anakanda dahulu. Sesungguhnya Allah Tuhanku telah menjadikan mimpi itu suatu kenyataan dan sesungguhnya ia telah melakukan segala kebaikan terhadap anakanda ketika ia membebaskan anakanda dari penjara dan membawa ayahanda bonda ke sini dari dusun padang pasir setelah syaitan merosakkan hubungan di antara anakanda dengan saudara-saudara anakanda. Sesungguhnya Tuhanku itu Maha Halus melaksanakan apa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."'

(Surah Yusuf: 100)

Di sa'at itu, Nabi Yusuf a.s. mencabutkan dirinya dari suasana kegembiraan bertemu dengan orang tuanya dan berbaik-baik kembali dengan saudara-saudaranya untuk bertawajjuh kepada Allah bagi menyampaikan kesyukurannya. Beliau berdo'a ketika berada di kemuncak kekuasaan dan dalam kegembiraan tercapai impiannya:

رَبِّ قَدۡ ءَاتَيۡتَنِي مِنَ ٱلۡمُلۡكِ وَعَلَّمۡتَنِي مِن تَأۡوِيلِ ٱلۡأَحَادِيثِۚ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ أَنتَ وَلِيِّۦ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِۖ تَوَفَّنِي مُسۡلِمٗا وَأَلۡحِقۡنِي بِٱلصَّٰلِحِينَ ١٠١

"Ya Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepadaku ni'mat kerajaan dan Engkau telah mengajarkanku ilmu ta'bir mimpi. Wahai Tuhan Pencipta langit dan bumi! Engkaulah Penaungku di dunia dan di Akhirat. Wafatkanlah aku dalam agama Islam dan gabungkanlah aku dengan orang-orang yang soleh."

(Surah Yusuf: 101)

Di sini lenyaplah segala pangkat dan kebesaran dan hilanglah segala kesukaan bertemu dengan orang tua dan kegembiraan berkumpul kembali dengan saudara mara. Pemandangan babak akhir kisah Nabi Yusuf a.s. menggambarkan pemandangan seorang manusia yang bermohon kepada Tuhannya supaya memelihara keislamannya hingga ia wafat dan supaya ia dimasukkan ke dalam golongan orang-orang yang soleh di sisi Tuhannya.

Inilah juga adab sopan Nabi Allah Sulaiman a.s. apabila ia melihat singgahsana Balqis ratu negeri Saba' muncul di hadapannya sebelum matanya berkelip:

Kesyukuran Nabi Muhammad Di Sepanjang Hidupnya

فَلَمَّا رَءَاهُ مُسۡتَقِرًّا عِندَهُۥ قَالَ هَٰذَا مِن فَضۡلِ رَبِّي لِيَبۡلُوَنِيٓ ءَأَشۡكُرُ أَمۡ أَكۡفُرُۖ وَمَن شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشۡكُرُ لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّي غَنِيّٞ كَرِيمٞ ٤٠

"Dan apabila Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di hadapannya ia pun berkata: Ini adalah limpah kurnia dari Tuhanku untuk mencuba aku, adakah aku bersyukur kepada-Nya dan mengingkari ni'mat-Nya. Oleh itu, sesiapa yang bersyukur, maka sesungguhnya ia bersyukur untuk

kebaikan dirinya dan sesiapa yang mengingkari ni'mat-Nya, maka Tuhanku adalah Maha Kaya dan Maha Pemurah."

(Surah an Naml: 40)

Inilah juga adab sopan Nabi Muhammad s.a.w. di sepanjang hidupnya dan dalam masa mendapat pertolongan dari Allah dan mencapai kemenangan menakluk Makkah, beliau membongkok di atas belakang untanya, kerana bersyukur kepada Allah dan memasuki negeri Makkah dengan keadaan seperti itu, sedangkan negeri itulah yang telah menyakitinya, mengusirnya keluar, memeranginya dan menentang da'wahnya dengan penuh kedegilan. Apabila tiba pertolongan dari Allah dan terlaksana kemenangan menakluk Makkah, ia lupakan kesukaan mendapat kemenangan dan terus membongkok bersyukur kepada Allah, bertasbih, bertahmid dan beristighfar sebagaimana yang diajar oleh Tuhannya. Ia bertasbih, bertahmid dan beristighfar begitu banyak sebagaimana yang diceritakan oleh hadith-hadith. Dan itulah sunnah yang diikuti para Sahabat selepasnya r.a. ajma'in.

* * * * * *

Demikianlah terangkatnya manusia dengan keimanan mereka kepada Allah. Demikianlah jiwa mereka memancar dengan gemilang, melembut halus dan terbang bebas. Demikianlah mereka berjaya sampai kepada darjat kebesaran, kekuatan dan kebebasan.

* * * * * *